

Kurang petak parkir

Punca kesesakan teruk sekitar Taman Lucky, Bangsar terutama pada waktu puncak

>>Oleh Rosmaliana Aida
Mohd Adnan

rosmaliana@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kebanyakan penduduk dan peniaga di Taman Lucky, Bangsar, di sini, berhadapan dengan masalah ketiadaan tempat letak kereta yang serius hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk terutama pada waktu puncak.

Masalah itu sudah lama berlarutan dan sering menjadi rungutan penduduk setempat disebabkan tiada tindakan penguatkuasaan bagi menanganinya walaupun berulang kali dibangkitkan.

Menurut penduduk dan peniaga, bagi mengelakkan kesesakan dan menjimatkan masa mencari tempat letak kereta, kenderaan perlu diletakkan di kawasan lebih jauh dan hanya berjalan kaki ke kedai membeli barangan.

Pengarah Restoran Syed, Habib Kadir, 43, berkata ketiadaan kemudahan itu menjadi masalah utama pengguna terutama peniaga kerana bangunan perniagaan terletak di tepi jalan yang tidak diperuntukkan tempat letak kereta.



"Jika stok barangan peniaga tiba, lori yang mengangkut barangan terbabit tidak dapat menurunkan barang yang dibawa dan terpaksa menunggu giliran membarunya ke dalam premis.

"Ini menyebabkan lalu lintas menjadi sesak kerana pemilik kereta memperlakukan kenderaan untuk mengelakkan pekerja menurunkan barangan.

"Lebih memburukkan keadaan kewujudan pasar pagi menjalankan perniagaan mereka kawasan letak kereta," katanya.

Tinjauan Metro Plus mendapati, pemilik kereta meletakkan kenderaan mereka di tempat tidak sepatutnya seperti di bahu jalan hingga menyebabkan kesesakan jalan raya.

Malah, suasana menjadi ke-

lam kabut apabila pemilik kenderaan ingin keluar tetapi dihalang kereta lain di belakngannya.

Sementara itu, pesara swasta, Wee Chin Yuan, 68, berkata pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu melakukan pemantauan berterusan serta mencari jalan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di situ disebabkan ketiadaan tempat

letak kereta.

"Pemilik kenderaan sewenang-wenangnya melanggar undang-undang jalan raya dengan meletakkan kereta sesuka hati tanpa menghiraukan pengguna lain.

"Pihak berkuasa tempatan perlu mengambil tindakan drastik untuk memastikan keadaan ini tidak berterusan membelenggu penduduk di sini," katanya.



HABIB...timbul masalah.

TIADA PILIHAN ...tempat letak kereta yang penuh menyebabkan kesesakan lalu lintas.